

SKEMA JAWAPAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN SEJARAH KERTAS 2

1 (a)	Namakan kuasa barat yang menjajah Filipina	
Kod	Butiran	Markah
F1	Amerika Syarikat	1
F2	Spanyol	1
	( 2x 1m )	2m
1(b)	Bagaimanakah gerakan nasionalisme berlaku di Filipina?	
Kod	Butiran	Markah
F1	Bermula dengan Gerakan Propaganda dipimpin oleh Jose Rizal	1
F2	Menuntut Filipina dijadikan wilayah Sepanyol	1
F3	Mempunyai hak yang sama seperti bangsa Sepanyol	1
F4	Jose Rizal menubuhkan Liga Filipina	1
F5	Mendesak Sepanyol melakukan perubahan politik, ekonomi dan sosial	1
F6	Kegagalan Gerakan mencetuskan idea nasionalisme yang lebih radikal	1
F7	Andres Bonifacio menubuhkan Katipunan	1
F8	Memperoleh kemerdekaan melalui revolusi	1
F9	Menyebarkan idea revolusi melalui Kalayan	1
F10	Bonifacio dan Aguinaldo melancarkan revolusi untuk menyingkirkan Sepanyol tetapi gagal	1
F11	Aguinaldo bekerjasama dengan Amerika Syarikat dan Berjaya mengusir Sepanyol	1
F12	Perisytiharan Kemerdekaan Filipina oleh Aguinaldo tidak disahkan oleh Amerika Syarikat	1
F13	Bermula penguasaan Amerika Syarikat di Filipina	1
F14	Menggunakan strategi diplomasi melalui parti politik sederhana	1
F15	Membolehkan Sergio Osmena, pemimpin Parti Nasionalis dilantik menganggotai Dewan Perhimpunan	1
F16	Gerakan menuntut kemerdekaan diteruskan sehingga Perang Dunia Kedua	1
	(Mana-mana 4 x 1m )	4m
1(c)	Mengapakah semangat setia kepada negara dan bangsa dianggap penting?	
F1	Menanam perasaan cinta kepada negara	1
F2	Sanggup berkorban demi negara	1
F3	Mengekal kedaulatan negara	1
F4	Bebas daripada campur tangan asing	1
F5	Kemakmuran ekonomi negara	1
F6	Membuka peluang pekerjaan kepada rakyat	1
F7	Meningkatkan taraf hidup rakyat	1
	(Mana-mana munasabah 4 x 1m )	4m

2(a)	Nyatakan dua buah negara yang terlibat dengan penyebaran fahaman komunis pada era 1920-an di Tanah Melayu	Markah
F1	China	1
F2	Indonesia	1
	( 2x 1m )	2 m
2 (b)	Jelaskan tentang penubuhan Parti Komunis Malaya (PKM).	1
F1	Ditubuhkan di Kuala Pilah, Negeri Sembilan	1
F2	Bergerak melalui kesatuan sekerja/penerbitan akhbar/sekolah Cina	1
F3	Menyusup ke dalam Kesatuan Sekerja untuk mengukuhkan pengaruh komunis	1
F4	Bekerjasama dengan British memerangi Jepun	1
F5	Membentuk MPAJA / Bintang Tiga	1
F6	Menerima bantuan latihan/senjata/kewangan/bekalan logistik dan perubatan daripada pihak British	1
F7	Selepas Jepun menyerah kalah, Bintang Tiga/PKM melakukan kekerasan.	1
F8	Membunuh orang Melayu, Cina dan India yang disyaki bersubahat dengan Jepun	1
F9	MPAJA dibubarkan pada 1 Disember 1945	1
F10	PKM dibenarkan bergerak di Tanah Melayu	1
F11	PKM diberi peluang mempengaruhi beberapa pertubuhan tertentu dengan ideologi komunis	1
	(Mana-mana 4 x 1 m )	4 m
2(c)	Mengapakah ideologi komunis perlu dihalang daripada berkembang di negara kita ?	
F1	Menghapuskan kuasa raja-raja Melayu	1
F2	Menubuhkan sebuah negara republik	1
F3	Bertentangan dengan kepercayaan orang Melayu yang beragama Islam	1
F4	Menggunakan kekerasan untuk mencapai matlamat	1
F5	Tidak mempercayai kewujudan Tuhan	1
F6	Mengganggu ketenteraman negara	1
F7	Menggugat kestabilan politik negara	1
F8	Menggugat kemakmuran ekonomi negara	1
F9	Menggugat perpaduan negara	1
	(Mana-mana munasabah 4 x 1m )	4m
3(a)	Terangkan ciri-ciri negara berdaulat dari aspek pemerintahan	Markah
F1	Raja Berpelembagaan	1
C1	Yang di-Pertuan Agong	1
F2	Demokrasi Berparlimen	1
F3	Kuasa pemerintah	1
C3	Perdana Menteri	1
F4	Jemaah Menteri	1
	( 2x 1m )	2m
Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm		

3(b)	Senaraikan kepentingan mewujudkan sebuah negara yang berdaulat.	Markah
F1	Keberkesanan pentadbiran	1
F2	Kemakmuran ekonomi	1
F3	Kesejahteraan sosial	1
F4	Kecemerlangan hubungan luar negara	1
	(Mana-mana 4 x 1m)	4m
3(c)	Sebagai generasi muda, anda bertanggungjawab mempertahankan kedaulatan negara. Berikan pandangan anda.	Markah
F1	Menghormati pemimpin negara	1
F2	Mengamalkan prinsip Rukun Negara	1
F3	Memperkasakan Bahasa Melayu	1
F4	Meraikan perbezaan kaum	1
F5	Mengukuhkan nilai-nilai murni	1
F6	Tidak menjejaskan imej negara	1
	(Mana-mana munasabah 4 x 1m)	4m
4(a)	Apakah matlamat Rukun Negara	Markah
F1	Mencipta satu bangsa dan negara yang bersatu padu	1
F2	Mencipta satu masyarakat yang adil	1
F3	Menegakkan satu masyarakat yang progresif mengikut kemajuan sains dan teknologi di samping mengamalkan nilai-nilai ketuhanan	1
F4	Memelihara wujudnya satu Masyarakat liberal	1
F5	Memelihara cara hidup demokratik	1
	(2x 1m)	2m
4(b)	Mengapakah kepercayaan kepada Tuhan menjadi prinsip pertama Rukun Negara?	Markah
F1	Menunjukkan bahawa agama menjadi panduan hidup	1
F2	Untuk membentuk keperibadian yang baik	1
F3	Dan landasan dalam membina keharmonian kaum	1
F4	Agama mengajar umatnya berakhlak mulia/baik	1
	(Mana-mana munasabah 4 x 1m)	4m
4(c)	Prinsip kelima Rukun Negara menuntut semua rakyat Malaysia bersopan dan bertatasusila. Huraikan.	Markah
F1	Mewujudkan perpaduan kaum	1
F2	Masyarakat hidup dalam suasana harmoni	1
F3	Tiada pergaduhan kaum	1
F4	Saling bertolak ansur antara kaum	1
F5	Masyarakat yg berbudi bahasa	1
	(Mana-mana munasabah 4 x 1m)	4m
5(a)	Apakah faktor Persekutuan Tanah Melayu 1948 berjaya dibentuk?	Markah
F1	Penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union	1
H1a	Disertai oleh orang Melayu/Raja-raja Melayu/cendekiawan Melayu/orang	1

	Melayu	
H1b	Malayan Union memberikan kesan buruk kepada Raja-raja Melayu/orang Melayu	1
H1c	Penentangan disaksikan oleh para pegawai Inggeris iaitu Gammans /Rees Williams/ahli Parlimen British	1
H1d	Hasil tinjauan dilaporkan kepada Dewan Parlimen British	1
H1e	Gammans menyatakan huru-hara akan berlaku di Tanah Melayu sekiranya British melaksanakan rancangan Malayan Union	1
H1f	Persediaan menggubal Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu dijalankan melalui rundingan antara Raja-raja Melayu/UMNO/British	1
F2	Malcolm MacDonald/Gabenor Jeneral dan Sir Edward Gent/Gabenor Malayan Union mengadakan pertemuan/perundingan dengan Raja-raja Melayu	1
H2a	Bertujuan mengatasi konflik Masyarakat Melayu dengan Kerajaan British	1
H2b	Cadangan Raja-raja Melayu/UMNO	1
H2c	Penubuhan Persekutuan bertaraf naungan dan bukannya tanah jajahan	1
H2d	Perjanjian baharu untuk menggantikan Malayan Union	1
H2e	Jawatan Pesuruhjaya Tinggi menggantikan Gabenor	1
H2f	Raja berkuasa dalam perundangan	1
H2g	Perkataan "Negeri-negeri Melayu" perlu muncul dalam Persekutuan yang baharu	1
H2h	Sultan Perak yang menjadi jurucakap Raja-raja Melayu mendesak British menerima usul pembentukan persekutuan	1
H2i	Gammans/Rees Williams menyampaikan surat bantahan daripada Sultan Perak di Parlimen British	1
F3	Sokongan pentadbir British	1
H3	Dapat mewujudkan kestabilan/kemajuan ekonomi	1
	(Mana-mana 6 x 1m )	6m
5(b)	Terangkan ciri-ciri Persekutuan Tanah Melayu 1948	Markah
F1	Pentadbiran	1
H1a	Persekutuan dibentuk menerusi gabungan 9 buah negeri Melayu dan 2 buah negeri Selat	1
H1b	Singapura kekal sebagai tanah jajahan British yang berasingan	1
H1c	Kerajaan Persekutuan diketuai oleh seorang Pesuruhjaya Tinggi British yang mempunyai kuasa eksekutif	1
H1d	Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab dalam hal kewangan serta hal lain yang mempunyai kepentingan bersama	1
H1e	Majlis Mesyuarat Persekutuan dan Majlis Perundangan Persekutuan ditubuhkan bagi membantu Pesuruhjaya Tinggi British	1
H1f	Majlis Mesyuarat Persekutuan mengandungi ahli rasmi dan ahli tidak rasmi	1
H1g	Ahli tidak rasmi pada peringkat permulaan dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi	1
H1h	Ahli Majlis Perundangan Persekutuan terdiri daripada pelbagai kaum	1
F2	Majlis Raja-raja dibentuk	1
H2a	Membolehkan Raja-raja Melayu memberikan pandangan dalam perkara yang tertentu	1
H2b	Sultan bertanggungjawab mengesahkan rang undang-undang yang	1

	diluluskan oleh Dewan Perundangan Negeri	
F3	Majlis Perundangan Persekutuan diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi	1
H3a	Bidang kuasa mencakupi hal ehwal luar, ketenteraman awam, kehakiman, perdagangan, komunikasi dan percukaian	1
H3b	Rang undang-undang perlu mendapat perkenan Raja-raja Melayu melalui Majlis Raja-Raja	1
F4	Kewarganegaraan secara kuat kuasa undang-undang	1
H4a	Jus soli hanya terbuka kepada rakyat Raja dan rakyat British	1
H4b	Pemohon yang lahir di luar negeri ayahnya mestilah rakyat Raja dan rakyat British	1
H4c	Penduduk asal dari negeri Melayu yang lahir sebelum, semasa atau selepas Tarikh Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu	1
H4d	Rakyat raja dan mereka yang telah serasi, memahami adat resam dan bertutur Bahasa setempat (naturalised) boleh memohon melalui mana-mana undang-undang yang dikuatkuasakan	1
F5	Kewarganegaraan secara pendaftaran	1
H5a	Mereka yang dilahirkan dalam Persekutuan Tanah Melayu dan bermastautin selama 15 tahun daripada tempoh 20 tahun dari hari permohonan	1
H5b	Seseorang itu juga perlu mempunyai tingkah laku yang baik/tiada rekod jenayah/menguasai Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris/ bersetuju taat setia kepada Persekutuan Tanah Melayu	1
	(Mana-mana 6 x 1m)	6m
5(c)	Berdasarkan petikan di atas, mengapakah Persekutuan Tanah Melayu 1948 penting dalam pembinaan negara dan bangsa Malaysia?	Markah
F1	Mengembalikan semula kedudukan Raja-raja Melayu	1
H1a	Majlis Raja-Raja diwujudkan melalui peruntukan Perjanjian Persekutuan	1
H1b	Majlis ini dipengerusikan oleh seorang daripada Raja-Raja Melayu daripada 9 orang raja	1
H1c	Pesuruhjaya Tinggi memastikan bahawa Raja-Raja Melayu perlu dirujuk terhadap kuasa Kerajaan Persekutuan	1
H1d	Pada peringkat negeri, sultan menjadi ketua negeri	1
H1e	Sultan berkuasa melantik Menteri Besar sebagai ketua pentadbir negeri	1
F2	Mengasaskan sistem pembahagian kuasa antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri	1
C2	Terbentuk Senarai Persekutuan/ Senarai Negeri	1
F3	Membuka ruang kepada orang bukan Melayu menjadi warganegara	1
F4	Orang Melayu diiktiraf sebagai penduduk asal yang diberikan kedudukan istimewa	1
F5	Mewujudkan Kerjasama kaum melalui Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum	1
F6	Persekutuan Tanah Melayu 1948 merintis kepada pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1957 yang sekali gus membawa kemerdekaan	1
	(Mana-mana 8 x 1m)	8m
6(a)	Jelaskan maksud pilihan raya	Markah
F1	Asas berkerajaan sendiri	1
F2	Rakyat memilih wakil/parti yang membentuk kerajaan	1

F3	Pengamalan sistem demokrasi di sesebuah negara	1
F4	Merintis jalan kea rah kemerdekaan	1
	(Mana-mana 4 x 1m )	4m
6(b)	Sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab, mengapakah anda perlu mengundi dalam pilihan raya	Markah
F1	Merupakan salah satu hak rakyat dalam sistem demokrasi	1
H1a	Rakyat bebas memilih pemimpin yang dirasakan layak	1
C1	Rakyat memilih parti yang dianggap boleh menjadi penerajui negara	1
H1b	Rakyat berpuas hati memilih wakil yang bertanggungjawab dan amanah	1
F2	Rakyat menentukan Kerajaan memerintah	1
H2a	Parti yang bertanding diberi mandat oleh rakyat untuk memajukan negara	1
H2b	Rakyat adalah penentu kemenangan sesebuah parti yang bertanding	1
F3	Keadilan dan hak rakyat terjamin	1
H3	Rakyat tidak perlu bimbang sekiranya hak mereka sebagai rakyat biasa dicabuli	1
C3	Semua rakyat terjamin di bawah sistem demokrasi yang telus	1
	(Mana-mana munasabah 8 x 1m )	8m
6(c)	Mengapakah pindaan umur kelayakan pengundi 18 tahun di negara ini adalah wajar dilaksanakan?	Markah
F1	Kematangan individu tidak diukur mengikut umur	1
F2	Remaja yang berumur 18 tahun memang cukup matang untuk membuat keputusan	1
H2a	Mereka telah mempelajari tentang pilihan raya di dalam mata Pelajaran Sejarah di sekolah	1
C2	Mereka mengetahui latar belakang politik negara	1
F3	Memikul tanggungjawab sebagai rakyat Malaysia	1
F4	Mengelakkan belia daripada mempunyai sikap tidak minat politik	1
F5	Bertanggungjawab terhadap atas diri sendiri	1
F6	Melahirkan pemimpin muda yang dinamik	1
F7	Mengatasi masalah kekurangan pelapis pemimpin muda	1
F8	Melibatkan belia secara langsung dalam membuat keputusan tentang masa depan negara	1
	(Mana-mana munasabah 8 x 1m )	8m
7(a)	Jelaskan kedudukan Yang di-Pertuan Agong berdasarkan peruntukan perlembagaan tersebut	Markah
F1	YDPA diwujudkan selepas negara merdeka	1
F2	Sebagai Ketua Utama Negara	1
F3	Diberikan keutamaan dalam Persekutuan	1
F4	Tidak boleh dikenakan apa jua prosiding mahkamah	1
F5	Hanya boleh dibicarakan di Mahkamah Khas	1
F6	YDPA dipilih Majlis Raja-Raja	1
F7	Lambang Raja Berperlembagaan	1
F8	Boleh meletak jawatan/dipecat Majlis Raja-Raja	1
	(Mana-mana 4 x 1m )	4m

7(b)	Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa yang luas meliputi kuasa perundangan, eksekutif dan kehakiman	Markah
	<b>Kuasa Eksekutif</b>	1
F1	Mengikut nasihat Jemaah Menteri	1
F2	Melantik Perdana Menteri dan Jemaah Menteri	1
F3	Melantik jawatan penting	1
C3	Peguam Negara/Panglima Angkatan Tentera/ Ketua Audit Negara	1
F4	Melantik diplomat Malaysia	1
F5	Menerima mengadap diplomat asing	1
	<b>Kuasa Perundangan</b>	
F6	Memperkenan Rang Undang-Undang	1
F7	Memanggil Parlimen bersidang/membubarkan Parlimen	1
F8	Ketua Agama Islam di negeri Baginda, Wilayah Persekutuan, Melaka, Pulau Pinang, Sarawak dan Sabah	1
F9	Melindungi kedudukan istimewa orang Melayu, bumiputera dan kepentingan sah kaum lain	1
F10	Membuat perisytiharaan darurat	1
	<b>Kuasa Kehakiman</b>	
F11	Melantik hakim Mahkamah Atasan	1
F12	Berkuasa mengampun, menangguh dan meringankan hukuman	1
	(Mana-mana 8 x 1m )	8m
7(c)	Sebagai warganegara patriotik, bagaimanakah anda mengaplikasikan prinsip tersebut dalam kehidupan seharian?	Markah
F1	Menghormati Raja, pemimpin negara dan amalan demokrasi	1
F2	Tidak memuat naik komen negatif terhadap raja dan pemimpin negara dalam media sosial	1
F3	Tidak menyalah guna lambing/ foto raja dan pemimpin negara	1
F4	Tidak memburuk negara dalam media asing	1
F5	Menghormati lambing negara	1
F6	Sentiasa mematuhi undang-undang	1
F7	Tidak melibatkan diri dalam kegiatan tidak bermoral yg akan menjejaskan imej negara	1
F8	Menyokong dasar-dasar negara	1
F9	Mengambil bahagian dalam program yang dianjurkan oleh kerajaan	1
	(Mana-mana munasabah 8 x 1m )	8m
8(a)	Jelaskan kandungan perjanjian yang dimeterai	Markah
F1	Tarikh pembentukan Malaysia pada 31 Ogos 1963	1
F2	Sarawak, Sabah dan Singapura bersama Persekutuan Tanah Melayu menjadi ahli dalam Persekutuan Malaysia	1
F3	Kerajaan British mengiktiraf kedaulatan Sarawak, Sabah dan Singapura dalam Malaysia	1
F4	Memberikan kelebihan kepada Sarawak dan Sabah menubuhkan kabinet negeri	1
F5	Memperuntukkan tempoh peralihan kepada Sarawak dan Sabah	1

F6	Singapura memperoleh 15 kerusi parlimen, Sarawak 24 dan Sabah 16 kerusi	1
F7	Penduduk Sarawak dan Sabah mendapat pengiktirafan sama seperti orang Melayu dalam perlembagaan	1
	(Mana-mana 6 x 1m)	6m
8(b)	Bincangkan kepentingan perjanjian tersebut.	Markah
F1	Membentuk sebuah negara yang berdaulat	1
F2	Berjaya menggabungkan negeri-negeri bagi membentuk sebuah negara	1
F3	Berjaya memerdekakan Sarawak dan Sabah	1
F4	Sarawak dan Sabah dibenarkan membentuk kabinet negeri sendiri	1
F5	Hak penduduk Sarawak dan Sabah terpelihara	1
F6	Pembangunan dapat dilaksanakan terutama di kawasan pedalaman	1
	(Mana-mana munasabah 6 x 1m)	6m
8(c)	Sebagai rakyat Malaysia, jelaskan perasaan anda setiap kali negara menyambut Hari Malaysia pada tanggal 16 September.	Markah
F1	<b>Bangga</b> - menjadi anak Malaysia yg merdeka	1
F2	<b>Terharu</b> – mengenang pengorbanan pemimpin dan rakyat terdahulu dalam memperjuangkan kedaulatan negara	1
F3	<b>Gembira</b> – Menyaksikan kemakmuran dan kejayaan yang dicapai oleh negara	1
F4	<b>Gembira</b> – cuti umum	1
F5	<b>Bimbang</b> – Masa depan negara/isu perpaduan	1
F6	<b>Bersyukur</b> - dapat hidup di negara yang merdeka	1
F7	<b>Hargai</b> – apa yang kita capai	1
F8	Semua pihak perlu bekerjasama memastikan kegemilangan negara demi kesejahteraan bersama	1
	(Mana-mana munasabah 8 x 1m)	8m
9(a)	Jelaskan matlamat penggubalan dasar luar Malaysia	Markah
F1	Mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara	1
F2	Melindungi kepentingan nasional	1
F3	Mempertahankan dan memajukan kepentingan Malaysia	1
F4	Memupuk hubungan baik dengan negara luar	1
F5	Menghadapi perkembangan serta cabaran politik, ekonomi dan sosial	1
	(Mana-mana 4 x 1m)	4m
9(b)	Terangkan faktor yang menjadi asas penggubalan dasar luar Malaysia.	Markah
F1	Ikatan sejarah	1
H1a	Nilai sejarah yang dilalui merupakan dasar luar yang digubal berdasarkan adanya ikatan Sejarah antara negara ini dengan negara lain	1
H1b	Ikatan Sejarah dan budaya dengan negara serantau dan antarabangsa menyebabkan Malaysia menjalinkan hubungan rapat dengan negara-negara lain	1
C1	Singapura/Indonesia/Brunei/Filipina/Thailand/Burma/China/India	1
H1c	Hubungan Malaysia dengan Arab Saudi, Mesir, Yaman dan Turki	1



	dipengaruhi oleh ikatan keagamaan	
H1d	Selepas merdeka, negara kita telah menyertai pertubuhan Komanwel	1
F2	Keperluan nasional	1
H2a	Memberi keutamaan kpd negara	1
H2b	Kepentingan negara diberi perhatian utama untuk menjaga kedaulatan mahupun dasar yang menguntungkan negara	1
H2c	Kedudukan yang strategik menjadi perkiraan utama dalam membentuk dasar luar dengan negara serantau	1
H2d	Hubungan baik dengan negara luar membolehkan Malaysia menjaga kebajikan rakyat Malaysia yang berada di luar negara sekiranya diperlukan	1
H2e	ekonomi dan keamanan negara menyebabkan Malaysia mengamalkan dasar luar yang bebas dan berkecuali serta menjalinkan hubungan dengan semua negara tanpa mengira ideologi	1
F3	Kepimpinan	1
H3a	Kebijaksanaan dan kebolehan pemimpin negara	1
H3b	Pemimpin perlu peka akan perkembangan pada peringkat antarabangsa serta perubahan yang berlaku bagi menentukan hala tuju dasar luar negara	1
H3c	Dasar menjalinkan hubungan dengan negara sedang membangun pada tahun 1990-an merupakan satu perubahan sikap pemimpin yang sebelum ini lebih cenderung kepada negara maju	1
H3d	Malaysia telah menjalinkan hubungan dengan negara sedang membangun di Afrika dan negara kepulauan di Pasifik Selatan	1
F4	Persekitaran luar	1
H4a	Perkembangan politik, ekonomi dan social antarabangsa yang sentiasa berubah menyebabkan penggubalan dasar luar Malaysia disesuaikan dengan perubahan yang berlaku	1
H4b	Penggubalan dasar luar ditentukan oleh perkembangan yang berlaku pada peringkat antarabangsa seperti ketika era Perang Dingin. Pada masa itu, dasar luar negara dilihat lebih probarat	1
H4c	Malaysia mengubah dasar daripada probarat kepada tidak berpihak berdasarkan perkembangan yang berlaku pada tahun 1970-an	1
	(Mana-mana 8 x 1m )	8m
9(c)	Hubungan luar yang luas telah memberikan banyak manfaat kepada masyarakat dan negara Malaysia.	Markah
F1	Kedaulatan negara terjamin	1
H1a	Melalui dasar tidak campur tangan	1
C1	Cth dasar berkecuali	1
H1b	Agar urusan negara tidak terganggu	1
H1c	Politik negara menjadi stabil	1
F2	Ekonomi negara meningkat	1
H2a	Melalui perjanjian perdagangan dua hala	1
C2a	Cth antara Malaysia dengan Jeoun	1
H2b	Agar Jepun dapat membawa masuk syarikat pelaburan	1
C2b	Cth Toyota dan Honda	1
H2c	Membuka peluang pekerjaan kepada rakyat	1
F3	Menangani jenayah dan gejala sosial	1
H3	Bekerjasama menyelesaikan masalah antarabangsa	1

C3	Pemerdagangan orang dan pengedaran dadah	1
	(Mana-mana munasabah 8 x 1m)	8m

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm